

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 15 JUN 2014 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	30 lagi sistem siren amaran tsunami : MOSTI peruntuk RM60 juta tambah sistem itu di lokasi strategik seluruh negara	Utusan Malaysia
2	30 sistem amaran awal tsunami seluruh negara	Berita Harian
3	Jabatan Meteorologi bina 30 lagi siren amaran tsunami	Bernamea.com
4	Angin kencang, laut bergelora dijangka sehingga selasa ini	Harian Metro
5	Dept to set up 30 more tsunami sirens in the country	Sunday Star

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 15 JUN 2014 (AHAD)

MOSTI peruntuk RM60 juta tambah sistem itu di lokasi strategik seluruh negara
30 lagi sistem siren amaran tsunami



ROSLI MOHAMED

Oleh **RADHUAN HUSSAIN**
pengarang@utusan.com.my

KUALA TERENGGANU 14 Jun - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan menambah 30 lagi rangkaian sistem siren tsunami di lokasi-lokasi strategik di seluruh negara yang melibatkan kos keseluruhan kira-kira RM6 juta.

Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Dr. Rosli Mohamed berkata, pe-

nyediaan sistem itu sebagai tambahan kepada 23 sistem siren tsunami sedia ada di seluruh negara yang berfungsi memberi amaran tsunami kepada orang ramai.

“Selain sistem siren, kerajaan juga akan menambah 12 buah stesen seismik ‘strong motion’ dan lapan stesen seismik ‘weak motion’ di seluruh negara.

“Pada masa ini terdapat 15 buah stesen seismik ‘strong motion’ manakala 17 buah stesen seismik ‘weak motion’ di seluruh negara,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis perasmian program Latih Amal Tsunami Peringkat Terengganu 2014 di Seberang Takir di sini hari ini yang disempurnakan oleh Setiausaha Politik kepada Menteri Besar, Rosdi Muda.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail dan Setiausaha Keselamatan Negeri Majlis Keselamatan Negara (MKN), Mohd. Sarif Hassan.

Rosli berkata, penempatan sistem amaran awal tsunami itu kebanyakan-

nya tertumpu di lokasi-lokasi yang berisiko dilanda bencana itu terutama di Sabah.

“Menerusi sistem tersebut dapat membantu mengesan gempa bumi dan tsunami selain membuat anggaran ketinggian ombak dan tempoh akan sampai ke kawasan pantai untuk langkah keselamatan,” ujarinya.

Di samping itu katanya, pihaknya turut menyediakan kaedah penyebaran amaran awal tsunami menerusi Sistem Amaran Talian Tetap mengu-

nakan talian tetap telefon dengan kerjasama Telekom Malaysia (TM).

Jelas beliau, sistem dalam talian itu yang disediakan sejak 2005 adalah bagi kegunaan pelanggan yang berada dalam lingkungan tiga kilometer dari pantai.

Mengenai program Latih Amal Tsunami, katanya, kerjasama semua pihak terutama jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan amat penting bagi menyelaraskan langkah keselamatan awal sekiranya berlaku gempa bumi dan tsunami.

30 sistem amaran awal tsunami seluruh negara

Kuala Terengganu: Sebanyak 30 sistem amaran awal tsunami yang dilengkapi siren akan dipasang di seluruh negara mulai akhir tahun ini, membabitkan kos keseluruhan kira-kira RM6 juta.

Sistem siren itu adalah tambahan kepada 23 lokasi strategik di seluruh negara ini yang berfungsi menyebarkan amaran tsunami kepada penduduk terutama yang tinggal di kawasan pantai.

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Rosli Mohamed, berkata kos pemasangan setiap satu sistem itu menelan belanja kira-kira RM200,000 kerana membabitkan pelbagai rangkaian.

Beliau berkata, pihaknya akan memilih 30 lokasi strategik berisiko dengan kepadatan penduduk terutama yang tinggal di kawasan pantai seperti Sabah dan Sarawak.

Katanya, selain Sabah dan Sarawak, mengikut perancangan, dua daripada sistem siren tsunami ini akan dipasang di Dungun dan Kemaman akhir tahun ini.

“Di Terengganu sendiri, terdapat satu sistem tolok pasang surut ditempatkan di Pulau Perhentian, Besut. Kemudahan itu turut dilengkapi satu sistem seismik di Kuala Terengganu dan satu sistem kamera pantai di Kampung Seberang Takir, di sini.

“Selain itu, pada masa sama, satu kaedah penyebaran amaran awal tsunami iaitu Sistem Amaran Talian Tetap akan berfungsi dalam bentuk pesanan suara. Sistem ini akan disampaikan melalui panggilan telefon kepada pelanggan talian tetap Telekom Malaysia (TM) yang berada dalam lingkungan tiga kilometer dari kawasan pantai yang dilanda tsunami,” katanya pada program Latih Amal Tsunami Peringkat Negeri Terengganu di Dewan Sivik Kampung Seberang Takir, di sini, semalam.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 15 JUN 2014 (AHAD)**



Jabatan Meteorologi Bina 30 Lagi Siren Amaran Awal Tsunami

KUALA TERENGGANU, 14 Jun (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi Malaysia** akan membina 30 buah lagi rangkaian sistem siren tsunami di seluruh negara melibatkan peruntukan kira-kira RM6 juta.

Ketua Pengarah jabatan Datuk Gayah Ismail berkata, ketika ini terdapat 23 buah sistem seumpama itu di lokasi strategik yang berfungsi untuk menyebarkan amaran tsunami kepada penduduk sekitar.

"Sistem siren tsunami yang akan dibina itu bernilai kira-kira RM200,000 setiap satu akan dibina di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi seperti di kawasan-kawasan pantai terutama di pantai Sabah, Sarawak dan juga di Semenanjung.

"Kalau gempa itu berlaku di sebelah Sumatera, maka kawasan pantai Barat Semenanjung akan mendapat kesan dahulu manakala kalau tsunami terjadi di sebelah Filipina, maka pantai Timur Semenanjung turut mendapat kesan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian program latihan amal tsunami peringkat negeri di Kampung Seberang Takir di sini yang dirasmikan oleh Setiausaha Politik Menteri Besar Terengganu Rosdi Muda.

Turut hadir **Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Datuk Dr Rosli Mohamad.**

Gayah berkata, di Terengganu sendiri terdapat dua buah sistem siren berkenaan, masing-masing sebuah ditempatkan di Pulau Perhentian dan Kuala Terengganu. Manakala sebuah sistem kamera pantai dipasang di Kampung Seberang Takir di sini.

Katanya, sebanyak dua buah lagi sistem seumpama itu akan dipasang di Terengganu iaitu di Dungun dan Kemaman sebelum penghujung tahun ini.

Beliau berkata, sistem siren itu berfungsi untuk menyebarkan amaran tsunami kepada penduduk sekitar supaya orang ramai sempat menyelamatkan dan melarikan diri ke tempat yang selamat.

Di samping itu katanya, satu kaedah penyebaran amaran awal tsunami iaitu melalui sistem amaran talian tetap akan turut berfungsi dalam bentuk pesanan suara.

Ini disampaikan melalui panggilan telefon kepada pelanggan talian tetap Telekom Malaysia (TM) dalam lingkungan tiga kilometer dari kawasan pantai yang dilanda tsunami.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 33
TARIKH: 15 JUN 2014 (AHAD)**

Angin kencang, laut bergelora dijangka sehingga Selasa ini

Kuala Lumpur: Angin kencang barat daya dan laut bergelora di perairan Langkawi, Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Sabah dijangka berterusan sehingga Selasa ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan sama-

lam berkata, angin kencang dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter turut berlaku di Kudat dan Pantai Barat, Sabah.

Keadaan sama juga dijangka dialami di perairan Phu-

ket, Selat Melaka Utara, Samui, Condore, Reef North, Layang-Layang dan Palawan yang dijangka turut berterusan sehingga Selasa.

Keadaan ini berbahaya kepada bot kecil, rekreasi dan sukan laut. - BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
SUNDAY STAR (NATION) : MUKA SURAT 5
TARIKH : 15 JUN 2014 (AHAD)**

Dept to set up 30 more tsunami sirens in the country

KUALA TERENGGANU: The Meteorological Department will be building 30 more tsunami siren systems nationwide at a cost of RM6mil.

Its director-general Datuk Gayah Ismail said at present, there were 23 at strategic locations.

"The tsunami siren system will be built at a cost of RM200,000 each at high-risk areas such as the coasts, especially on the beaches of Sabah and Sarawak," she said after the opening of a state-level tsunami practical training programme by Terengganu Menteri Besar's political secretary Rosdi Muda.

Gayah said that in Terengganu alone, there were two sirens – in Pulau Perhentian and Kuala Terengganu – while another with cameras was set up in Kampung Seberang Takir here.

She said two more tsunami systems would be installed in Terengganu, particularly in Dungun and Kemaman, before the end of the year.

In addition, she said a method of disseminating early tsunami warning system – in the form of voice messages through telephone calls to Telekom customers who live about 3km from beaches – would be set up to alert victims struck by tsunami.

To date, she said Malaysia had an excellent system and equipment to detect earthquakes and tsunami. — Bernama